

# 28,000

Putrajaya

**T**iada persefahaman, masalah kewangan, pengabaian tanggungjawab zahir dan batin menjadi faktor utama menyebabkan 28,090 pasangan berusia 51 tahun ke atas memfailkan permohonan perceraian di Mahkamah Syariah seluruh negara antara 2017 sehingga tahun lalu.

Selain itu, hubungan sulit dan tekanan emosi, faktor usia, hubungan renggang, cemburu dan kurang berkomunikasi juga menjadi penyebab kepada perceraian.

Selangor mencatatkan kes tertinggi dengan 4,945 kes diikuti Johor sebanyak 3,023 kes diikuti Kedah sebanyak 2,962 kes, Perak (2,727 kes) dan Kelantan (2,611 kes).

Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Datuk Na'im Mokhtar berkata, secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 284,454 kes perceraian pasangan direkodkan pihaknya sepanjang tempoh sama.

Katanya, Selangor mencatatkan 56,608 kes, diikuti Johor (30,342 kes), Kedah (25,896 kes), Kelantan (22,261 kes), dan Perak sebanyak 22,194 kes.

"Itulah pola pendaftaran bagi mereka berusia 51 tahun ke

## pasangan fail cerai

*Tiada persefahaman, masalah wang, abai tanggungjawab jadi faktor utama perpisahan*

atas. Kalau kita tengok pecahan dari segi tahun, ia berubah-ubah dengan tahun paling tinggi adalah pada 2019 dengan 6,513 kes permohonan cerai dibuat.

"Kalau kita perhatikan, faktor perceraian ini tidak ada perbezaan sama ada orang tua atau pasangan muda. Yang paling banyak adalah tiada persefahaman.

"Ada juga faktor lain seperti penyalahgunaan dadah, keganasan rumah

tangga dan terbaru adalah pelbagai elemen media sosial yang menjadi punca perceraian itu," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, dalam kebanyakan kes, isteri akan cuba untuk mempertahankan perkahwinan demi menjaga anak dan menunggu sehingga satu tempoh yang lama.

Katanya, pengabaian tanggungjawab oleh pemimpin keluarga menyebabkan ketidaksefahaman yang akhirnya mengakibatkan berlaku perceraian.

"Dalam kebanyakan kes, isteri mempertahankan se-



*Kalau kita perhatikan, faktor perceraian ini tidak ada perbezaan sama ada orang tua atau pasangan muda"*

Na'im

suatu perkahwinan semata-mata mengorbankan diri demi kepentingan anak.

"Ini yang saya nampak, terutama membabitkan isteri yang tidak bekerja dan bergantung kepada suami semata-mata. Dia boleh berkompromi untuk satu tempoh masa tertentu dan selepas itu perkahwinan sudah tiada apa-apa," katanya.

Menurutnya, banyak perceraian berpunca daripada perkara yang remeh seperti tidak puas hati dengan masakan isteri.

"Pengalaman saya, ada satu kes, suami balik ke rumah dan dia tak puas hati dengan masakan isteri, kurang garam dia kata. Ini faktor yang kecil dan saya percaya dia ada masalah lain yang lebih besar.

"Bila dia datang ke mahkamah syariah, dia merujuk kepada insiden itu untuk mencari kesalahan yang lain," katanya.

